

UMP mampu lahirkan graduan terbilang

KUANTAN – Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Datuk Dr Mohamed Said Mat Lela, yakin UMP dapat menjana kelahiran graduan yang cemerlang dan berupaya menjadikan UMP sebagai Universiti Teknikal Berteraskan Kompetensi Bertaraf Dunia.

"UMP berusaha menyediakan kurikulum pengajian, prasarana pengajaran dan pembelajaran, perkhidmatan sokongan dan sistem pengurusan terbaik bagi menjamin kecemerlangan berterusan," katanya.

Menurutnya, pelajar boleh membangunkan kredibiliti melalui penyertaan aktif dalam kegiatan pelajar ke arah menerapkan budaya personaliti unggul di samping mengejar kecemerlangan akademik sepanjang pengajian di UMP.

"Saya menyeru kepada semua pelajar agar menggunakan peluang yang diberi dan belajar dengan penuh semangat dan ikhlas untuk menempa kejayaan yang gemilang satu hari nanti," katanya.

SUMBER : *Sinew Hanim*
TARIKH : *30.06.07*
MUKA SURAT : *P 20*